

**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
PERAK DARUL RIDZUAN
JABATAN KEJURUTERAAN**

Bil(05)dIm.MDBG.SULIT/S63/2018

Tarikh : **13 September 2018**

NOTIS SEBUT HARGA

(SEBUT HARGA: 79/2018)


SEBUT HARGA UNTUK KONTRAKTOR BERTARAF BUMIPUTERA SAHAJA

Sebut harga ini terbuka kepada kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB** dan mempunyai **Perakuan pendaftaran Kontraktor (PPK)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan bertaraf Bumiputera yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL	BUTIR- BUTIR SEBUT HARGA	KELAYAKAN	BUTIR-BUTIR TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN DIJUAL	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1.	No Sebut harga: 79/2018 Projek: KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH GUTTER SERTA KERJA YANG BERKAITAN DI PASAR AWAM PUSING MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, PERAK.	GRED G1 Kategori C Pengkhususan CE 21	Tempat Taklimat: Jabatan Kejuruteraan Aras 1, Majlis Daerah Batu Gajah Perak Darul Ridzuan. Tarikh: 20 September 2018 Jam: 9.30 Pagi Kehadiran : WAJIB	Tarikh Dijual: 20 September 2018 Waktu: 8.00 pg hingga 4.30 ptg (Isnin – Khamis) 8.00 pg hingga 12.00 t/hari 3.00 ptg hingga 4.30 ptg (Jumaat)	Jabatan Kejuruteraan Aras 1, Majlis Daerah Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan. Harga Dokumen: RM50.00	Tarikh Tutup: 27 September 2018 Jam: 12.00 Tengahari

1. Lawatan ke tapak projek adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua kontraktor yang berminat dengan kerja yang akan ditawarkan seperti di atas.
2. Hanya **Penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan CIDB sahaja boleh menghadiri lawatan tapak dan taklimat Sebut harga.
3. Kontraktor dikehendaki membawa bersama sijil asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Perakuan Pendaftaran CIDB** yang masih **berkuatkuasa** semasa pendaftaran dan lawatan tapak untuk sebut harga ini. Jika tempoh telah **tamat** pihak kontraktor **tidak dibenarkan** untuk menyertai sebut harga.

4. Kontraktor dikehendaki melampirkan salinan **resit bayaran** pada setiap **borang sebut harga** yang berkenaan sebelum dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga**.
5. Semua borang sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA, DI JABATAN KEJURUTERAAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, 31000 BATU GAJAH** seperti di atas.
6. Kontraktor yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **MAJLIS DAERAH BATU GAJAH** sahaja yang **layak** untuk dipertimbangkan.
7. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah sekali atau mana-mana sebut harga yang disyorkan.


(**MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI**)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Batu Gajah,
Batu Gajah.